

PM arah MB Johor atasi hakisan Tanjung Piai

Um 11/1

JOHOR BAHRU 10 Jan. - Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, beliau telah diarahkan oleh Perdana Menteri supaya mengatasi masalah hakisan yang teruk di Tanjung Piai, Pontian dekat sini.

Katanya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu masalah hakisan di Tanjung Piai diatasi segera bagi mengelakkan kawasan itu terhapus dari permukaan bumi.

Sehubungan itu, beliau berjanji akan mengambil beberapa langkah untuk memperkukuhkan tebing Tanjung Piai.

"Kita mendapati bahagian sebelah barat tanjung tersebut semakin terhakis kerana ia terdedah kepada laluan yang begitu padat dengan kapal-kapal di perairan Selat Melaka," katanya.

Abdul Ghani berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Beliau berkata, bahagian timur Tanjung Piai turut terhakis kerana laluan kapal ke Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pasir Gudang menjejaskan muara Sungai Kulai.

Kata beliau, kerajaan negeri telah mengenal pasti lima lokasi yang terdedah kepada hakisan di mana di setiap satu lokasi keluasan hakisan ialah kira-kira 24 hektar.

"Hakisan berlaku di kawasan sepanjang tujuh kilometer dengan kedalaman hakisan 100 meter," jelasnya.

Beliau berkata, kerajaan negeri membelanjakan RM4 juta sejak tahun 2004 untuk mengurangkan masalah hakisan di Tanjung Piai.